

**Zahid nafi pilihan raya negeri di Johor**  
**Free Malaysia Today**  
**Okt 18, 2016**

**Timbalan pengerusi BN berkata penjelasan menteri besar Johor menunjukkan objektif kerajaan negeri Johor selaras dengan kerajaan persekutuan.**

KOTA TINGGI: Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata pilihan raya negeri tidak akan diadakan sebelum Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14).

Sehubungan itu, beliau menafikan dakwaan pembangkang kononnya pilihan raya negeri bakal diadakan di Johor.

Katanya, Menteri Besar Johor Datuk Seri Khaled Nordin juga menyatakan pendirian jelas kerajaan negeri ia akan menyelaraskan pilihan rayanya dengan negeri lain di Semenanjung.

“Dalam hal ini, daripada segi pentadbiran, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) juga tidak akan menggunakan peruntukan di luar jangkaan (untuk mengadakan pilihan raya negeri),” katanya kepada pemberita selepas melancarkan Hab Kemahiran Johor di Kolej Yayasan Pelajaran Johor di sini, hari ini.

Zahid yang juga timbalan pengerusi Barisan Nasional (BN) berkata penjelasan Khaled menunjukkan objektif kerajaan negeri Johor selaras dengan kerajaan persekutuan.

Beliau mengulas kenyataan DAP Johor ia sedang bersiap sedia menghadapi pilihan raya negeri, walaupun Khaled menyangkal dakwaan pilihan raya negeri akan diadakan di Johor.

Dalam pada itu, Zahid yang menjalankan tugas timbalan presiden Umno berkata BN tidak meminggirkan mana-mana kawasan yang ahli Parlimen dan Adun yang tidak diwakilinya.

“Namun, apa yang dilakukan kerajaan negeri BN dan kerajaan persekutuan haruslah dinilai dengan sebaik-baiknya pengundi di kawasan itu khususnya pengundi kali pertama,” katanya.

Menurutnya rakyat boleh melihat tiada pembangunan dilaksanakan di kawasan diwakili ahli Parlimen atau Adun pembangkang.

**Copyright (C) 2009-2016 MToday News Sdn. Bhd. All Rights Reserved.**

Source: <http://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2016/10/18/zahid-nafi-pilihan-raya-negeri-di-johor/>